KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	28.03.22	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	TNB			

RM43 juta untuk TNB Reskilling Malaysia

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) memperuntukkan sehingga RM43 juta sebagai komitmen syarikat utiliti itu menerusi program TNB Reskilling Malaysia (TRM) yang diperkenalkan untuk menyokong pemulihan sosioekonomi negara kesan daripada pandemik Covid-19.

Ketua Pengurusan Pejabat Projek TRM, Ir Yeoh Chien Wern berkata, TRM diperkenalkan pada Jun 2020, bertujuan mempercepatkan proses pengambilan kerja bagi syarikat di Malaysia yang ingin mengisi kekosongan jawatan sedia ada.

> **"Pada 2021, sebanyak 2,804 berjaya dapatkan pekerjaan**
> Yeoh Chien Wern

Katanya, TNB menyediakan perkhidmatan pengambilan pekerjaan bagi pihak syarikat dan ini membantu perniagaan menjimatkan kos, meningkatkan kualiti pengambilan pekerja dan mengurangkan pusing ganti pekerja.

"Program ini dijangka mampu mengisi sehingga 17,500 kekosongan pekerjaan menjelang 2024 dan kami menyasarkan 5,000 padanan kerja dan *resklilling* (pemahiran semula) setiap tahun.

"Secara keseluruhan, 9,202 pekerja dan 3,225 majikan memohon untuk menyertai program ini.

"Setakat November 2021, 1,814 pekerja menamatkan latihan mereka dan 3,246 mendapatkan pekerjaan melalui proses pemadanan pekerjaan.

"Pada 2021, sebanyak 2,804 berjaya mendapatkan pekerjaan melalui proses pemadanan pekerjaan," katanya pada taklimat media inisiatif TRM secara maya di sini, baru-baru ini.

Menurutnya, TNB memberi komitmen RM43 juta untuk membiayai sebahagian program ini termasuk kos latihan dan pengubahsuaian sebahagian kampus Universiti Tenaga Nasional (Uniten) Muadzam Shah TNB menjadi pusat kemahiran semula dalam mengembangkan inisiatif ini.

Program TRM ini terbuka untuk semua rakyat Malaysia yang berumur dari 18 tahun ke atas.

Yeoh berkata, semua rakyat Malaysia, terutama graduan baru, lepasan sekolah atau pekerja yang diberhentikan boleh memohon untuk program ini.

"Bagi latihan kemahiran semula tempoh latihan antara lima ke 10 hari dan latihan berlangsung di Ilsas (Institut Latihan Sultan Ahmad Shah), anak syarikat milik penuh TNB yang dilantik sebagai penyelaras program dan penyedia latihan," katanya.

Terdapat lima kursus utama disediakan iaitu Program Pemasang Panel Suria, Program Pemasangan Meter Pintar, Operasi dan Penyelenggaraan Sistem Kuasa, Kemudahan Elektrik Voltan Sederhana dan Kemudahan Elektrik Voltan Rendah.

Program yang ada juga boleh disesuaikan mengikut keperluan majikan dan majikan serta bakal pekerja boleh mendaftar melalui laman web TNB Ilsas untuk menyertainya.